

15/08/1997

Jadikan kebersihan sebagai nilai hidup

KELMARIN, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercakap mengenai kebersihan makanan. Beliau mengingatkan rakyat khususnya pengendali makanan supaya mementingkan kebersihan dalam penyediaan makanan, terutamanya menjelang temasya Sukan Komanwel (Sukom) tahun depan. Isu yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir ini adalah lanjutan daripada masalah kebersihan, sindiran yang sama pedasnya terhadap tabiat rakyat yang suka membuat kotor. Setelah Jalan Bukit Bintang dijadikan sasaran kritik, Dr Mahathir melihat permasalahan yang lebih luas yang ada kaitannya dengan kebersihan. Kali ini beliau mengkaitkan soal kekotoran dan virus penyakit.

Kita tidak boleh menolak andaian bahawa pelbagai wabak penyakit yang menyerang rakyat negara ini hingga membabitkan kematian, berpunca daripada masalah kebersihan. Kuman membiak di tempat yang kotor. Jika kawasan itu mempunyai kawasan makanan, tidak ada jaminan kuman berkenaan tidak boleh menghinggapi makanan berkenaan menerusi bawaan debu, lalat, tikus, lipas dan sebagainya. Jika kita tinjau tempat makanan di negara ini, kita boleh melihat sendiri tahap kebersihannya. Apa yang menyedihkan, rakyat tidak begitu mengambil berat soal ini. Mereka akan terus makan walaupun penyajian makanan dibuat secara tidak teratur dan terdedah kepada segala bentuk penyakit.

Walaupun Sukom akan diadakan 392 hari lagi, ini tidak bermakna kita harus menunggu tarikh itu untuk menunjukkan kepada dunia bahawa kita mengambil berat soal kebersihan. Etika penjagaan kebersihan makanan sepatutnya berlaku secara semula jadi kerana ia ada kaitan dengan masalah kesihatan. Usaha menjaga kebersihan tidak sepatutnya terbatas kepada penganjuran Sukom semata-mata. Ia sepatutnya menjadi matlamat berterusan. Pelancong datang ke negara ini bukan disebabkan di sini ada pesta tertentu saja. Mereka berada di negara ini sepanjang masa sama ada urusan perniagaan, melancong atau hal lain. Mungkin ketika Sukom, bilangan pelancong akan bertambah.

Selain tempat menarik, pelancong begitu tertarik dengan makanan tempatan. Mereka bukan saja makan di hotel dan restoran mewah, sebaliknya gerai dan tempat terbuka lain menjadi tumpuan. Ini kerana di sinilah mereka boleh menyaksikan nilai sebenar rakyat negara ini. Jika mereka melihat rakyat makan di tempat yang tidak terjamin dari segi kebersihannya, mereka akan membuat tanggapan mengenai cara hidup masyarakat Malaysia yang tidak mementingkan kebersihan. Jika cara penyediaan makanan terutamanya di gerai terbuka, menjijikkan pelancong, mereka tidak akan mengunjungi gerai terbuka itu walaupun sedar bahawa harga makanan yang disediakan agak berpatutan. Bagi mereka, setelah tidak yakin dengan tahap kebersihannya, adalah lebih baik mereka pergi ke tempat yang lebih selesa walaupun terpaksa membayar dengan harga yang jauh lebih mahal. Apa yang lebih membimbangkan negara kita akan mendapat imej yang buruk. Anggapan yang sama kita rasai jika melihat keadaan yang menjijikkan di negara orang. Kita akan bercerita kepada rakan kita mengenai keadaan di tempat itu. Begitulah juga halnya dengan rakyat asing yang datang ke negara ini.

Oleh itu, kita berpendapat nasihat Dr Mahathir itu perlu diberi perhatian serius kerana ia membabitkan soal maruah rakyat dan negara kita. Pelbagai peristiwa buruk boleh berlaku jika penyediaan makanan tidak diambil berat.

Jika ada antara mereka jatuh sakit dan mengesan puncanya akibat makanan yang tercemar, ia akan tersemat di fikiran mereka bahawa rakyat negara ini adalah pengotor. Tambahan pula, disebabkan berlaku beberapa wabak penyakit seperti hepatitis A di negara ini, akan menguatkan lagi hujah mereka untuk memburukkan keadaan negara ini. Wabak penyakit sedikit sebanyak akan menjejaskan kehadiran orang asing ke negara ini kerana bimbang kesihatan mereka terjejas.

Pada kita, sementara menunggu kehadiran Sukom, setiap pihak terbabit perlulah menyediakan diri untuk membersihkan gerai masing-masing. Kita tidak mahu mendengar ada pihak yang melarang atlit atau pengunjung daripada mengunjungi gerai di negara ini kerana bimbang mereka dihindangi penyakit.

Kita juga tidak seharusnya mengharapkan pengendali makanan sama ada di tempat penginapan atlit atau di pejabat lain, memainkan peranan mereka. Pihak berkuasa kerajaan tempatan sepatutnya melakukan suatu tindakan yang tegas. Seandainya mereka melihat ada kawasan yang tidak sesuai lagi dijadikan kawasan makanan, ia perlulah dirobohkan. Mereka hanya dibenarkan berniaga di kawasan yang terjamin dari segi kesihatan.

(END)